

## 1. Kisah Seorang Pemandu

Seorang pemandu telah diberhentikan oleh seorang pegawai polis. Dia adalah seorang pemandu yang berhemah dan setahu dia, dia tidak melakukan apa-apa kesalahan lalulintas.

Pegawai polis itu pun berkata, "Saya berhentikan anda kerana anda memandu laju di dalam kawasan sekolah. Terdapat sepuluh tanda amaran yang menyatakan bahawa had laju adalah 35 km/j tetapi anda tidak mengendahkan kesemuanya."

Seperti pemandu ini yang telah diberikan sepuluh tanda amaran, Allah juga telah memberikan kita sepuluh tanda amaran di dalam Alkitab. Ia dikenali sebagai Sepuluh Hukum Allah.

Pernahkah anda membohong, mencuri ataupun menggunakan nama Tuhan semasa menyumpah seranah? Jika anda seperti saya, jawapannya "Ya".

Dengarkan apa yang dikatakan Alkitab:

- Sesiapa yang melanggar salah satu perintah Taurat, melanggar seluruh Taurat. Yakobus 2:10

Allah menyatakan bahawa dengan hanya melanggar satu daripada Hukum-Nya, maka kita telah berdosa dan dianggap telah melanggar kesemua Hukum-Nya, termasuk dosa berzina dan membunuh.

- Kematian adalah upah dosa. (Dihukum ke neraka kerana Allah tidak akan membenarkan dosa di perkarangan-Nya). Roma 6:23a

Jika kisah ini berakhir di sini, maka tiada harapan lagi bagi kita semua ...

## 2. Kisah Seorang Banduan

Seorang lelaki yang tidak bersalah menghadapi seorang hakim dan secara sukarela menawarkan dirinya untuk dihukum bunuh bagi pihak seorang pembunuh. Hakim itu bersetuju dan pada keesokan harinya hakim itu memberitahu banduan itu yang dia perlu membuat satu keputusan.

"Seorang lelaki yang tidak bersalah telah dihukum bunuh bagi pihak anda. Jikalau anda menerima penebusannya bagi jenayah anda, anda bebas untuk pergi. Jikalau anda tidak menerima tebusannya, anda akan dihukum bunuh bagi menebus jenayah anda. Apakah pilihan anda?"

Yesus Kristus, Anak Allah, tidak berdosa tetapi secara sukarela telah mengorbankan dirinya untuk membayar hukuman dosa kami. (Hukuman Allah untuk dosa kami adalah kematian). Tiga hari kemudian, dia bangkit dari maut.

- Tetapi Allah telah menunjukkan betapa besar kasih-Nya kepada kita, kerana Kristus mati bagi kita semasa kita masih berdosa. Roma 5:8
- Hidup sejati dan kekal bersama-sama Kristus Yesus Tuhan kita adalah anugerah Allah. Roma 6:23b

Hasil daripada kematian Yesus bagi pihak anda, anda diberikan dua pilihan:

Menerima pengampunan Allah bagi dosa anda sambil menerima kehidupan yang kekal dengan bertaubat (sedari dosa-dosa kamu dan berhasrat untuk berpaling daripadanya) dan menempatkan kepercayaan anda di dalam Tuhan Yesus.

### **ATAUPUN**

Menolak pengampunan Allah bagi dosa anda dan kehidupan yang kekal dengan menempatkan kepercayaan anda di dalam sesiapa pun melainkan Yesus untuk berkenan kepada Allah, dengan itu memikul dengan sendiri hukuman akibat melanggar Hukum Allah.

- Sesiapa yang percaya kepada Anak itu beroleh hidup sejati dan kekal, tetapi sesiapa yang tidak taat kepada Anak itu tidak akan beroleh hidup itu. Dia akan dihukum oleh Allah selama-lamanya. Yohanes 3:36

Tahu mengenai Yesus tidak bermakna anda percaya kepada Yesus ...

## 3. Kisah Penerjun Udara

Penerjun udara menunjukkan kepercayaan mereka di dalam payung terjun mereka apabila mereka melompat keluar daripada sebuah kapal terbang.

Pengikut Yesus menunjukkan kepercayaan mereka di dalamnya apabila Roh Allah mengubah pemikiran dan keinginan mereka.

- Apabila seseorang bersatu dengan Kristus, orang itu menjadi manusia baru. Yang lama sudah lenyap dan yang baru bermula. 2 Korintus 5:17
- Tuhan berkata, "Aku akan memberikan kamu hati dan fikiran yang baru." Yehezkiel 36:26

Walaupun anda memasuki sebuah bengkel kereta, ini tidak bermakna anda telah menjadi seorang mekanik. Maka kehadiran anda di gereja tidak bermakna anda seorang Kristian.

Jikalau anda ingin menerima pengampunan Allah bagi dosa-dosa kamu dan menerima anugerah kehidupan yang kekal, pertimbangkanlah doa seperti di bawah:

"Yesus, saya percaya bahawa kamu telah membayar hukuman bagi dosa-dosa saya apabila kamu mati diatas salib dan bangkit dairi maut. Saya ingin berpaling daripada dosa dan meletakkan kepercayaan saya di dalam kamu sebagai Tuhan saya. Saya sanggup mengikuti kamu sepanjang hidup saya. Terima kasih diatas anugerah kehidupan yang kekal. Amen."

- Setiap orang yang berseru kepada Tuhan akan diselamatkan. Roma 10:13

Keinginan dan hasrat pengikut-pengikut Yesus yang sejati adalah untuk:

- Hidup menurut kehendak Tuhan, dan sentiasa melakukan apa yang dikehendaki-Nya supaya dapat dihasilkan pelbagai perbuatan yang baik dan penambahan pengetahuan tentang Allah Kolose 1:10

Bacalah Alkitab setiap hari.  
Menghadiri gereja yang mengajar Alkitab.

[www.tracts.com/Melayu.html](http://www.tracts.com/Melayu.html)

## 1. The Driver

A driver was once stopped by a police officer. He was a good driver and as far as he knew he had done nothing wrong.

The police officer said, "I pulled you over because you were going 60 through a school zone. There were ten warning signs that the speed limit was 15 and you ignored them all."

Just like the driver had ten warning signs, God has given us ten clear warning signs in the Bible. They are called the Ten Commandments.

Have you ever told a lie, stolen something or used God's name as a curse word? If you're like me the answer is 'yes'.

Listen to what the Bible says:

- *Whoever keeps the whole law and yet stumbles at just one point is guilty of breaking all of it.* James 2:10

God is saying that by breaking one Commandment we have sinned and will be held accountable for breaking all of them, including adultery and murder.

- *God's judgment for our sin is death.* (Banishment to hell because He will not allow sin in His presence). Romans 6:23a

If the story ends here, there is no hope for us...

## 2. The Convict

An innocent man approached a judge and volunteered to be executed in the place of a convicted murderer. The judge consented. The next day the judge told the convict he had a decision to make.

"An innocent man has been put to death in your place. If you will accept his payment for your crime, you are free to go. If you will not accept his payment, you will be executed for your crime. Which do you choose?"

Jesus Christ, the Son of God, was sinless but voluntarily gave his life to pay the penalty for your sins and mine. (God's judgment for our sin is death). Three days later he rose from the dead.

- *God showed his great love for us by sending Jesus to die for us while we were still sinners.* Romans 5:8
- *The gift of God is eternal life in Christ Jesus our Lord.* Romans 6:23b

As a result of Jesus' death in your place, you have two choices:

Receive both God's pardon for your sins and eternal life by repenting (sensing your sinfulness and desiring to turn from it) and placing your trust in the Lord Jesus.

OR

Reject both God's pardon for your sins and eternal life by trusting in anyone or anything other than Jesus to make you acceptable to God, thus bearing the penalty for breaking God's law yourself.

- *Whoever believes in the Son has eternal life, but whoever rejects the Son of God will not see life, for God's wrath remains on him.* John 3:36

Knowing about Jesus doesn't mean you believe in Jesus...

## 3. The Skydiver

Skydivers demonstrate their belief in their parachutes when they jump from the plane.

Followers of Jesus demonstrate their belief in Him when God's Spirit changes their thoughts and desires.

- *If anyone is in Christ, he is a new creation; the old has gone, the new has come!* 2 Corinthians 5:17
- *God says, "I will give you a new heart and put a new spirit in you."* Ezekiel 36:26

Just as entering a garage won't make you a mechanic, attending a church won't make you a Christian.

If you would like to receive God's pardon for your sins and the gift of eternal life, consider a prayer like this:

"Jesus, I believe you paid the penalty for my sins when you died on the cross and rose from the dead. I want to turn from my sins and place my trust in you as my Lord. I am willing to follow you the rest of my life. Thank you for the gift of eternal life. Amen."

- *Anyone who calls on the name of the Lord will be saved.* Romans 10:13

The desire of real followers of Jesus is to:

- *Live a life worthy of the Lord, pleasing Him in every way, bearing fruit in every good work, and growing in the knowledge of God.* Colossians 1:10

---

**www.on-tract.com**

Visit our website for:

- This Gospel message in over 100 languages
  - The Bible's answers to life's questions
  - A 30-day email guide to help you follow Jesus
- All resources are FREE.